

13 MAY 1999

PM-BON

TIGA PASUKAN DIHANTAR UTK PERKENAL TERBITAN BON, KATA PM

Oleh: Mohd Rizal Razalli

SHAH ALAM, 13 Mei (Bernama) -- Malaysia akan menghantar tiga pasukan untuk memperkenalkan terbitan bon kedaulatannya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau juga melahirkan keyakinannya bon-bon itu akan mendapat sambutan yang baik.

Pasukan pertama akan diketuai oleh Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin, pasukan kedua oleh Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, dan yang ketiga terdiri daripada pegawai-pegawai tertinggi Bank Negara Malaysia.

Mengenai bila pameran bergerak itu akan bermula, Perdana Menteri berkata ia sedang dikaji.

Kerajaan telah "membuat kajian dan penyelidikan" terlebih dahulu dengan mendapatkan maklum balas daripada institusi kewangan antarabangsa, katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan baru UMNO Selangor, di sini.

Maklumat yang diperolehi menunjukkan mereka tidak terpengaruh dengan penarafan negatif yang dibuat oleh sesetengah agensi penarafan antarabangsa dan sebaliknya berminat untuk melanggan bon kedaulatan Malaysia, katanya.

"Kami percaya kami dapat menjual bon tersebut pada julat yang menguntungkan," tambahnya.

Dr Mahathir berkata, sebelum ini apabila Malaysia mahu menghantar pasukan untuk memperkenalkan bon kedaulatannya, agensi penarafan antarabangsa seperti Moody's dan Standard & Poor's telah menurunkan penarafan kredit negara.

Beliau berkata jika Malaysia tetap berkeras untuk menerbitkan bon tersebut, negara terpaksa membayar kadar faedah tinggi pada 15 peratus.

Sementara itu, Mustapa dipetik sebagai berkata beliau akan memulakan pameran bergerak selama 10 hari ke lima negara untuk memperkenalkan terbitan bon bernilai AS\$2 bilion ( RM7.6 bilion) bermula pada Isnin. Pasukan Mustapa akan berada di Hong Kong, Tokyo, Milan, Frankfurt, Boston dan New York untuk tujuan itu.

Mustapa berkata penasihat kewangan kerajaan, Salomon Smith Barney, telah mendaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa di Washington pada 11 Mei untuk menyatakan keputusan Malaysia menerbitkan bon itu.

-- BERNAMA

RIZ ZK